



MOHAMAD Hasan bersalaman ketika bertemu Ahil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan turut kelihatan Dr. Asma Ismail (baju biru) dalam majlis ramah mesra Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Menteri Mentor Universiti Sains Islam Malaysia bersama pelajar USIM di The Aston Nilai, Nilai, Seremban, semalam. - UTUSAN/ASWAD YAHYA

USIM tawar enam kursi profesor

SEREMBAN 4 Feb. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menawarkan enam kursi profesor bagi meningkatkan ilmiah melalui kajian dan penghasilan penulisan untuk dimanfaatkan umat Islam dalam negara ini dan di peringkat global.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail berkata, enam kursi profesor itu adalah kepimpinan Islam, sains Islam, manuskrip Islam, fatwa, syariah dan undang-undang serta ekonomi Islam dan keusahawanan.

"Dua kursi ini ditawarkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) iaitu kursi profesor dalam fatwa serta syariah dan undang-undang," katanya dalam sidang akhbar di Nilai hari ini.

Beliau ditemui selepas hadir dalam majlis ramah mesra Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan selaku Menteri Mentor USIM dengan pelajar universiti berkenaan di Hotel The Aston, Nilai.

Menurut Asma, kursi profesor dalam fatwa umpamanya yang ber-

sandarkan acuan garapan integrasi ilmu Naqli dan Aqli, ia dapat menghasilkan fatwa lebih dinamik, holistik dan tepat mengikut keadaan sekarang yang terdedah kepada pengetahuan yang serba baharu.

"Ada kursi yang ditawarkan ini telah pun dibiayai Yayasan Nurul Yaqeen di mana pengerusinya ialah Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Bagi setiap kursi itu, kita memerlukan dana RM500,000 di mana USIM akan mencari tokoh yang tepat (profesor), sama ada dari dalam negara ini mahupun luar negara untuk bersama-sama melakukan penyelidikan ini.

"Tokoh ini mungkin akan berada selama sebulan di USIM, berinteraksi dengan pensyarah serta menyediakan platform untuk perbincangan selain penyelidikan, menghasilkan penulisan dan kemudian datang semula selepas lima bulan untuk mengemukakan hasil yang diperoleh bagi manfaat semua," katanya.

Sementara itu dalam sidang akh-

bar tersebut, Mohamad berkata, beliau akan menimbang tawaran USIM kepada MAINS untuk mengambil dua kursi profesor iaitu fatwa serta syariah dan undang-undang yang merupakan satu penekanan yang impaknya amat positif kepada umat Islam.

"Memang MAINS berhasrat untuk bekerjasama dalam penyelidikan ini dan selepas ini terpulang kepada USIM untuk mencari tokoh yang mempunyai kredibiliti dan ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang tersebut.

"Bagi pihak MAINS, kita akan menyumbang dari segi kewangan untuk penyelidikan tersebut," kata beliau.

Dalam majlis itu, Mohamad turut menyampaikan sagu hati kepada enam pelajar dan dua kakitangan USIM yang menerima Anugerah Pingat Emas di British Invention Show (BIS), London melalui produk berasaskan rebung (*Bambusia Powder*), sebagai makanan tambahan.